

JUDUL : Hecian Metro

TARIKH : Khamis, 17 Januari 2013

M/S : 67

Rancang terbit buku

■ Velocity Muse mahu kongsi maklumat pelaburan hartanah


Oleh Sri Ayu Kartikawati Amri
kartika@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Velocity Muse Enterprise (www.pelaburanhartanahtanpamodal.com), syarikat yang memasarkan e-buku mengenai pelaburan hartanah tanpa modal (PHTM) terus komited untuk berkongsi maklumat kepada orang ramai apabila merancang menerbitkan bukunya pada suku pertama tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Saufi Karim berkata, sebelum ini pihaknya hanya mengetengahkan tip membeli rumah atau pelaburan hartanah melalui e-buku PHTM dan sejak dilancarkan pada Jun 2012 sudah menjual lebih 1,000 unit e-buku.

Katanya, berdasarkan sambutan serta perkongsian maklumat yang efektif daripada e-buku itu, pihaknya berjaya menarik seramai 700 ahli yang menyertai PHTM dan kebanyakan daripadanya turut mempraktikkan ilmu yang dikongsi.

"Melalui pengalaman sendiri membuat pelaburan tanpa keluarkan modal atau deposit, secara tidak langsung langkah terbabit dikongsi dalam e-buku PHTM dan ke-



SAUFI menunjukkan e-buku PHTM dan portal pelaburanhartanahtanpamodal.com yang menampilkan tip kepada orang ramai.

lebihannya mereka yang mempunyai gaji serendah RM2,000 juga sesuai menggunakan kaedah ini.

"Berikutan mendapat sambutan dan atas permintaan ramai supaya e-buku PHTM dibukukan, kami akan

menerbitkannya dan dijangka berada di pasaran pada suku pertama 2013," katanya kepada Bisnes Metro.

Menurutnya, selepas buku PHTM berada di pasaran nanti, pihaknya akan memperkenalkan e-buku baru

“Berikutan mendapat sambutan dan atas permintaan ramai supaya e-buku PHTM dibukukan, kami akan menerbitkannya dan dijangka berada di pasaran pada suku pertama 2013”

Saufi Karim

yang akan memfokus kepada segmen lain tetapi masih lagi membabitkan hartanah.

Selain itu, Saufi Karim berkata, pihaknya juga memberi tumpuan kepada portal barunya, www.em-payarhartanah.com yang sesuai untuk pembeli rumah, pelabur, ejen dan pemaju.

"Bagi portal yang dilancarkan awal Januari ini, kami menasarkannya ia akan menjadi platform kepada bukan saja pembeli, malah mereka yang terbabit dalam proses pembelian atau menjual hartanah bagi mendapatkan maklumat mengenai kaedah atau langkah untuk membeli rumah," katanya.